

**MUSABAQAH TILAWAH AL-QURAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TAHUN 1442H / 2019M**

1. PENYERTAAN

Terbuka kepada semua warga dan guru-guru termasuk guru-guru agama yang bertugas di institusi-institusi pendidikan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

2. FORMAT

Peringkat saringan akan dijalankan bagi memilih tiga (3) peserta lelaki dan tiga (3) peserta perempuan yang akan bertanding di peringkat akhir.

3. SYARAT-SYARAT

3.1 Terdiri daripada **Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**

3.2 Terbuka kepada semua warga dan guru yang bertugas di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

3.3 Tidak pernah menjadi johan tiga (3) tahun berturut-turut dalam Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran di peringkat kementerian.

3.4 Tidak pernah mengikuti pertandingan musabaqah peringkat akhir kebangsaan.

3.5 Bersedia menghadirkan diri pada tarikh, masa dan tempat yang diaturkan untuk peringkat saringan dan akhir dengan menggunakan kenderaan serta perbelanjaan / penginapan sendiri.

3.6 Peserta yang gagal hadir dalam masa 30 minit sebelum pertandingan dijalankan (peringkat saringan dan akhir) dikira menarik diri.

4. BORANG PENYERTAAN DAN TARIKH TUTUP

Tarikh akhir mengembalikan borang pada **Hari Selasa, 08 Zulkaedah 1441H/30 Jun 2020M** kepada:

Urus Setia
Jawatankuasa Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Kementerian Pendidikan
Bagi Tahun 1442H/2020M
Jabatan Pengurusan Pendidik
Tingkat 3, Blok A, Kementerian Pendidikan,
Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas
No telefon: 2381771 (DA) / 2381352 (JPP) / No fax: 2381135 (DA) / No fax:
2380392(JPP) email: jpp@moe.gov.bn

5. PENGHAKIMAN

KATEGORI	MARKAH	JUMLAH HAKIM
Tajwid	35 markah	1 orang
Lagu	25 markah	1 orang
Fasahah	20 markah	1 orang
Suara	20 markah	1 orang
Pengerusi Hakim	-	1 orang

5.1 Jika terdapat persamaan markah, penetapan dibuat mengikut urutan berikut: Tajwid, Lagu, Fasahah dan Suara.

5.2 Keputusan hakim adalah muktamad.

6. PENENTUAN MAQRA DAN GILIRAN MEMBACA

PERINGKAT	PENENTUAN MAQRA DAN GILIRAN	DURASI BACAAN
Saringan	i. Peserta bebas untuk memilih maqra masing-masing. ii. Giliran membaca ditentukan secara undian oleh setiausaha semasa sesi taklimat peringkat saringan.	8 - 10 minit
Akhir	i. Peserta yang terpilih dikehendaki mengundi salah satu daripada 8 maqra yang disediakan selepas acara saringan. ii. Undian membaca akan dilakukan oleh setiausaha semasa sesi taklimat peringkat akhir.	8 - 10 minit

7. TARIKH DAN TEMPAT

Tarikh pertandingan dirancangan untuk diadakan pada bulan Oktober 2020. Maklumat lanjut mengenai perkara ini akan dimaklumkan semasa sesi taklimat peringkat saringan.

8. HADIAH

PEMENANG	HADIAH
JOHAN	i. Piala Pusingan ii. Piala Irian iii. Wang Tunai iv. Sijil Penyertaan
NAIB JOHAN DAN TEMPAT KETIGA	i. Piala Irian ii. Wang Tunai iii. Sijil Penyertaan
TEMPAT KEEMPAT DAN TEMPAT KELIMA	i. Wang Tunai ii. Sijil Penyertaan